

BANGSA MALAYSIA- SEBUAH BANGSA IDAMAN ; USAHA PEMBINAAN,PENGUKUHAN ATAU PEMERKASAAN?

Oleh :

Ku Hasnan Bin Haji Ku Halim
Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Sosial
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Konsep Bangsa Malaysia perlu dilihat dalam konteks Wawasan 2020. Wawasan ini, mula disingkap pada tahun 1991, telah menggariskan aspirasi kerajaan untuk menukar Malaysia menjadi sebuah negara industri dalam tempoh satu generasi menjelang fajar tahun 2020. Kepercayaan yang berpaksi pada akal budi bicara pada waktu itu adalah bahawa aspirasi ini akan dapat dicapai dengan syaratnya negara ini boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya 7 peratus setahun dari masa Wawasan 2020 itu di utarakan sehinggalah menjelang fajar tahun 2020. Namun demikian turut dibayangkan bahawa negara Malaysia ini tidak perlulah meniru lain-lain negara membangun, tetapi sebaliknya menjadi sebuah negara membangun dalam acuannya sendiri. Malaysia tidak boleh dibangunkan hanya dalam aspek ekonomi semata-mata. Ia mestilah dan seharusnya menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya sepanjang semua dimensi dari sudut ekonomi, politik, kerohanian, psikologi dan budaya. Kita mesti membangun sepenuhnya dari sudut perpaduan dan solidariti nasional dan kesinambungan sosial, dari aspek ekonomi kita, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem dan kerajaan, kualiti hidup, nilai sosial dan kerohanian, juga pemupukan rasa bangga, jati diri, patriotisme dan yakin akan negara tercinta ini.

Di singkap tabir sejarah warisan pengalaman silam, sejarah pra-kolonial telah menunjukkan Malaysia adalah sebahagian daripada gugusan kepulauan Alam Melayu yang terdiri dari beberapa negeri dari timur di Filipina, ke selatan di Pulau Jawa, di barat Pulau Sumatera dan utara Pattani. Setiap negeri ini diperintah oleh raja. Kegiatan ekonomi utama adalah bertani, nelayan dan berdagang dengan peniaga Arab, India dan Cina. Hasil pembangunan dan perdagangan setempat ini telah menjadikan, ada di kalangan negeri-negeri ini, berkembang hingga menjadi empayar seperti Majapahit, Melaka dan Pattani. Kedatangan pihak penjajah dari barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris merancakkan lagi eksplotasi sumber alam dan produk setempat seperti rempah ratus, timah dan pelbagai lagi. Pembahagian kepulauan kawasan Alam Melayu mengikut kepentingan penjajah telah mempercepatkan lagi pembangunan di Malaysia terutamanya biji timah, penanaman pokok getah secara ladang dan pembinaan pasarana kemudahan awam seperti jalan keretapi dan jalanraya. Penggunaan tenaga kerja buruh asing dari Cina dibawa masuk tanpa diurus manakala dari India diurus oleh pihak penjajah Inggeris. Perjalanan masyarakat dibawa pengaruh Inggeris dan pendatang dari Cina yang mengutamakan keuntungan material, bukan sahaja telah melahirkan masyarakat majmuk di mana pekerjaan dan wilayah terbahagi mengikut etnik, tetapi juga jurang sosio-ekonomi yang meluas di antara mereka. Sistem ekonomi laissez faire yang telah membentuk struktur etnik dan pemilikan ekuiti korporat yang membezakan

kumpulan etnik mengikut kegiatan ekonomi dan wilayah ini terus memperkukuhkan lagi pemilikan ekonomi oleh pemilik asing hingga ke dekad 1970an walaupun negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Namun, konflik etnik 13 Mei 1969 telah menyakinkan pembangunan tanpa mengurus ketidaksamarataan, kemunduran, kemiskinan, dan kepinggiran mengikut etnik dan wilayah akan mengugat kestabilan politik dan pembangunan negara ini.

Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dari 1970 hingga 1990 telah merubah struktur masyarakat mengikut etnik dan ekonomi di atas di alaf baru ini, di mana kelas menengah yang terdiri dari pelbagai etnik terbina, jurang sosio-ekonomi dikurangkan dan kemiskinan hampir dihapuskan. Malaysia terus mengalami proses pembangunan yang mampan, hingga transformasi masyarakat ke arah taraf hidup yang tinggi dan moden telah tersebar ke setiap pelusuk negara. Hasil transformasi sosial ini, pola perhubungan etnik sudah tidak menepati gambaran masyarakat majmuk klasik yang di ketengahkan oleh Furnival. Di alaf baru ini, pola perhubungan etnik di Malaysia dalam kalangan etnik Melayu, Kadazan, Dusun, Iban, Bidayuh, Melanau, Murut, Cina, India, Siam, Portugis dan lain-lain telah berubah dan faktor etniksiti tidak semestinya menjadi pemisah di antara individu yang terdiri dari pelbagai bahasa, budaya, agama dan etnik ini.

Pola tingkah laku perhubungan etnik di Malaysia telah berubah dari bentuk masyarakat majmuk terpisah-terasing klasik Furnival kerana dalam kemajmukan itu terdapat juga ikatan di antara kumpulan etnik ini yang tidak bersifat etnik. Pola-pola tingkah laku perhubungan etnik itu dapat dikategorikan seperti berikut iaitu Pola tingkah laku perkumpulan etnik, Pola tingkah laku norma sejagat, Pola tingkah laku pengembeling etnik, Pola tingkah laku pembinaan negara bangsa dan Pola tingkah laku ekstrimis etno-agama. Berbeza dengan tafsiran masyarakat majmuk terpisah-terasing klasik Furnivall, pola-pola tingkah laku perhubungan etnik ini bukan bersifat kategori yang terpisah dan terasing di antara satu sama lain. Dalam kebanyakan kes, pola-pola perhubungan etnik ini didapati *bertindik-bertindan-berlapis* di antara satu sama lain. Namun begitu, dapat diperhatikan akan wujud satu pola perhubungan etnik yang lebih berpengaruh jika dibandingkan dengan pola-pola perhubungan etnik yang lain.

Pola tingkah laku perkumpulan etnik adalah kecenderungan di kalangan ahli sesuatu kumpulan etnik untuk berhubungan dan bergaul dengan seorang individu lain berdasar parameter sosio-budaya dan agama. Malahan apabila seseorang individu berhijrah ke satu tempat yang baru seperti ke sekolah, universiti, tempat kerja dan lain-lain individu tersebut akan mencari seorang kenalan bercirikan sosio-budaya dan agama. Pola tingkah laku perkumpulan etnik yang sama ini bertindak sebagai satu mekanisme sosial untuk seseorang itu menyesuaikan diri di tempat yang baru yang penuh dengan ketidaktentuan dan risiko.

Pola tingkah laku norma sejagat dipengaruhi oleh perkiraan keuntungan material, status sosial dan ikatan sosial oleh individu yang berhubungan dengan individu lain, walaupun dengan individu dari kumpulan etnik yang lain. Perhubungan mereka dari kumpulan etnik yang berbeza ini tidak dicorak oleh perkiraan etnik, malahan hubungan mereka lebih tepat dikategorikan sebagai perhubungan sosial. Pola

tingkah laku ini dibentuk oleh impak pembangunan yang melahirkan budaya hidup kelas menengah dan kualiti hidup bertaraf moden.

Pola tingkah laku pengembelingan etnik memperalatkan etnisiti sebagai parameter untuk menerima atau menolak individu-individu lain berdasar perkiraan etnik. Motif utama untuk memperalatkan etnisiti ini adalah untuk memberi kelebihan kepada mereka sendiri dalam persaingan mereka dengan individu-individu lain untuk mendapat sumber material dan kedudukan sosial dalam pelbagai masyarakat pelbagai budaya, agama dan etnik. Golongan berkepentingan dalam ekonomi dan politik, golongan sosio-ekonomi rendah dan golongan yang berjaya tetapi 'berlaku sebagai mangsa' dalam arus pembangunan negara sering berselindung di belakang retorik etnik untuk memastikan mereka, dan tidak orang lain, berkesampaian kepada sumber material dan kedudukan sosial yang diidamkan itu.

Manakala pola tingkah laku pembinaan bangsa dipengaruhi oleh perkiraan untuk membentuk ideologi negara bangsa dalam acuan tafsiran mereka sendiri; harapan terakhirnya adalah untuk menerima dan menolak ahli-ahli dari kumpulan etnik lain melalui pengaruh mereka ke atas ideologi dan dasar negara. Di Malaysia, setiap parti politik dan pergerakan masyarakat cuba menengahkan ideologi negara bangsa mereka; Partai Islam dengan Daulah Islamiah, Pertubuhan Bersatu Kebangsaan Melayu dengan ketuanan Melayu, Parti Tindakan Demokratik dengan laungan '*Malaysian Malaysia*', Parti Gerakan dengan Bangsa Malaysia, Parti Bersatu Sabah dengan 'Dua-puluh Tuntutan', Jemaah Islamiah dengan Daulah Islam Nusantara dan lain-lain. Sering kali perbincangan tentang tafsiran ideologi negara bangsa masing-masing parti politik dan pergerakan masyarakat ini akan melahirkan perbezaan pendapat dan ketegangan dalam masyarakat demi memastikan kepentingan mereka dapat dijadikan sebagai agenda idaman nasional negara.

Pola tingkah laku perhubungan etnik yang terakhir sekali adalah individu yang bermain dengan tafsiran etno-agama secara ekstrimis seperti Parti yang membawa imej agama di Malaysia, Jemaah Islamiah, Dong Zhou dan lain-lain yang masih mentafsir idaman hidup yang barangkali *sempit* walaupun negara sudah berubah dengan agak ketara sekali. Kumpulan ekstrimis etno-budaya ini terlalu taksub terhadap budaya dan agama sendiri dan bermain dengan *stereotaip* dan *prejudis* terhadap individu-individu dari kumpulan budaya dan agama lain. Sekali lagi pengembelingan *parameter* etnik dan agama bermatlamat untuk menerima atau mengenyahkan individu dari kumpulan etnik dan agama lain dari memperolehi sumber material dan kedudukan sosial dalam masyarakat yang mereka sendiri idamkan.

Di Malaysia, pola tingkah laku sejangat dan perkumpulan etnik didapati yang paling berpengaruh tetapi tidak dapat dinafikan masih ada yang berkepentingan hingga mengembeling parameter budaya, agama dan etnik untuk mempertahankan kepentingan mereka sendiri. Hal ini nyata dapat diperhatikan di kalangan pengembeling etnik, pembinaan bangsa dan golongan ekstrimis budaya dan etnik.

Dominasi tingkah laku sejagat telah menipis batas etnik dan menjadikan perkiraan etnik sebagai sekunder hingga boleh menjamin tuntutan kestabilan masyarakat dan kemajuan negara berlaku. Persoalan tentang pembinaan bangsa seringkali menjadi satu isu penting dalam politik Malaysia. Di sebalik dunia politiknya dan pembangunan ekonominya yang stabil, projek pembinaan bangsa kekal menjadi satu asas kepada agenda nasional yang masih belum dapat dimaterialisasikan.

Konsep "*Bangsa Malaysia*" yang secara rasminya diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir pada tahun 1991, sebagai sebahagian dari pakej projek Wawasan 2020 yang diutarakan oleh beliau, bertujuan untuk menyelesaikan "*perkara yang tidak selesai*" dalam agenda pembangunan bangsa. Wawasan 2020 adalah satu projek nasional yang besar untuk jangkamasa satu generasi yang direkacipta untuk menukar Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya dalam "acuannya sendiri" menjelang tahun 2020. Konsep Bangsa Malaysia yang terkandung dalam Wawasan 2020 boleh dilihat sebagai satu usaha untuk menyatukan kumpulan etnik yang pelbagai dan persepsi yang berbeza-beza akan bangsa idaman menjadi satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu.

Dengan kata lain, ini juga bermakna simbol-simbol identiti Melayu dan hegemoni yang disematkan dalam Perlembagaan akan kekal tidak berubah, walaupun Bangsa Malaysia akan diwujudkan. Simbol identiti melayu dan hegemoni dalam Perlembagaan di cerminkan di dalam peruntukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Perkara 152), hak-hak istimewa Melayu (Perkara 153), Raja sebagai Ketua Negara (Perkara 32), dan Islam sebagai agama Rasmi. (perkara 3). Kenyataannya, inilah tiga rukun keMelayuan yang membentuk landasan nasionalisme (bahasa, agama Islam dan yang telah dipersetujui sebelum kemerdekaan raja). Agak keterlaluan untuk membayangkan ketiga-tiga peruntukan penting itu terpaksa disorot semula, apatah lagi dikeluarkan dari Perlembagaan Malaysia di masa hadapan.

Peruntukan-peruntukan ini menandakan *kontrak sosial* yang tidak bertulis tetapi begitu murni, sebagai pertukaran dengan hak-hak kerakyatan untuk golongan bukan-melayu sebelum kemerdekaan tercapai. Sesungguhnya kita tidak pasti sama ada kecenderungan ini boleh memperteguhkan nasionalisme Melayu dan kepelbagaian-budaya dan dengan itu menjadi asas pembinaan bangsa Malaysia yang kita sama-sama idamkan. Namun demikian, apa yang turut jelas kepada kacamata rakyat ialah walaupun kecenderungan itu dilihat sebagai mempromosikan projek pembinaan bangsa dalam negara, ia juga akan memenuhi objektif merungkai ideologi-ideologi bersaing bangsa-idaman melalui dan pada waktu yang sama dan seerti turut mewakili kepentingan-kepentingan pelbagai komuniti etnik yang pelbagai.

Jika ilham projek nasional bangsa Idaman ini berupaya di realisasikan apatah lagi boleh memenangi hati rakyat dengan usaha upaya ikhtiar diteruskan oleh kepimpinan akan datang melalui apa apa gagasan namun menggunakan resepi asal, apa yang mungkin dan ramalan akan wujud adalah konsep baru bangsa-idaman, yang boleh menambah dan bersaing dengan konsep ideologi etnik yang telah sedia

ada yang dipegang oleh orang Melayu dan orang bukan-Melayu. Oleh itu, cabaran berat yang terbentang di hadapan untuk visi Bangsa Malaysia berjaya direalisasikan ialah dengan menjadi perantara identiti untuk membina ciri-ciri untuk identiti politik yang penting ini.

Ini sudah tentu akan menuntut satu tindakan yang baik, memandangkan kerumitan perdebatan ideologi tentang pembentukan bangsa dan identiti nasional di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera yang masih berlaku dan panas sejuaknya yang bermusim. Soalannya, bagaimanakah kompromi tersebut dilaksanakan? Adakah satu jalan tengah sudah sedia wujud, atau masih belum ditemui atau kita masih lagi tidur diatas bantal yang sama dan memiliki mimpi yang berbeza-beza? Soalnya sampai bila dan apakah sudah tiba waktunya isu ini harus ditamatkan untuk selamanya. Kita sudah lama merdeka.